

CERAMAH TEKNIK TECHNICAL TALK

Pembangunan Geopark di Malaysia: cabaran dan masa depan

(Challenges for Geoparks development in Malaysia and way forward)

Dr. Tanot Unjah

Date: 22 March 2017

Venue: Bilik Mesyuarat Program Geologi, Bangunan
Geologi, FST, Universiti Kebangsaan Malaysia

Dr. Tanot's presentation was attended by Malaysia geological heritage experts and researcher. To develop a Geopark is a challenge and she shares the idea on how to develop it. Dr. Tanot also teaches Geological Conservation subject in Geology Programme, UKM. The abstract is attached.

*Muhammad Ashahadi Dzulkafli,
Universiti Kebangsaan Malaysia*



Abstract: Geopark merupakan pendekatan pembangunan yang berasaskan sumber warisan geologi bernilai tinggi dengan gabungan warisan tabii lain dan budaya. Semenjak kewujudan geopark pada awal tahun 2000 sehingga kini gagasan ini telah berjaya mewujudkan 120 buah global geopark di lebih dari 30 buah negara. Perkembangan pesat dalam pewujudan geopark kebelakangan ini secara global dan khusus di Asia selaras dengan pengiktifan sebagai program di bawah UNESCO, geopark menjadi pilihan bagi kawasan yang memerlukan lonjakan ekonomi. Agenda geopark turut menjadi agenda negara bagi sesetengah negara untuk mengembalikan kegemilangan dan juga membangunkan kawasan tinggal atau kawasan luar bandar. Meskipun Malaysia merupakan negara terawal yang terlibat dengan pembangunan geopark namun perkembangannya agak perlahan berbanding negara disekitarnya yang telah menjadikan geopark global iaitu Langkawi sebagai model untuk pembangunan geopark di negara masing-masing. Proses mewujudkan geopark yang berikutnya mengambil masa yang lebih panjang dan ini disebabkan terdapatnya cabaran yang perlu di atasi oleh pelbagai pihak yang berusaha mewujudkan geopark baru. Antara aspek yang akan dikupas adalah aspek governance, penyelidikan, pembinaan keupayaan dan promosi dan jangkauan. Setiap aspek ini akan melihat penglibatan dan peranan ahli geosains dalam mengembang dan membangunkan geopark di Malaysia.



Post presentation photograph together with Prof. Emeritus Dr. Dato Ibrahim Komoo, Head of Geology Programme P. Madya Dr. Habibah Jamil and UKM geology students.